

Ahli politik cenderung salahtafsirkan

JUM 20 JUL 2003

PENDANG 19 Julai — Ahli-ahli politik dan pengamal ajaran sesat adalah antara kumpulan yang cenderung menyalah-tafsirkan al-Quran untuk faedah dan kepentingan kumpulan mereka di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, kumpulan ini mentafsir ayat al-

Quran secara tidak menyeluruh dan mengikut kefahaman sendiri.

“Mereka cuba buat tafsiran mengikut kefahaman sendiri dan kemudian menganggap tafsiran itu sebagai kehendak dan ajaran Islam,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kecemerlangan PIBG di Sekolah Menengah Kubur Panjang, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa perpecahan umat Islam hari ini bukan berpunca daripada ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis sahih tetapi tafsiran berbeza-beza dan bertentangan oleh golongan terpelajar.

al-Quran — Abdul Hamid

Kata Perdana Menteri, ada pentafsir bersikap takbur sehingga tidak boleh ditegur kerana mendakwa mereka sahaja tahu tentang agama dan tafsiran orang lain tidak betul.

Menurut Abdul Hamid lagi, perkara itu perlu diberi perhatian serius kerana tafsiran yang salah terhadap ayat al-Quran dan hadis boleh membawa baha-

ya seperti perpecahan hingga masyarakat Melayu hidup berpuak-puak.

Beliau memberi contoh, kumpulan ajaran sesat mentafsir al-Quran mengikut kehendak mereka dan sebab itu terdapat banyak ajaran sesat di negara ini.

Sementara golongan politik pula, katanya, mentafsir al-Quran mengikut emosi dan tidak berlandaskan kitab suci itu semata-mata untuk kepentingan politik mereka hingga menolak perkara-perkara yang rasional.

Mengikut emosi

“Mereka berpendapat tafsiran mereka sahaja yang betul dan ajaran yang sedemikian tidak boleh mendidik umat Islam,” katanya.

Ditanya langkah yang akan diambil untuk mengatasi mereka yang mentafsir ayat al-Quran dengan sewenang-wenangnya, beliau menyatakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam negeri akan terus memantaunya.

Mereka yang menyeleweng ajaran agama Islam ini perlu diambil tindakan sewajarnya, katanya.

Kata beliau, dalam masa yang sama kerajaan juga akan terus memberi penjelasan dan kesedaran kepada orang ramai mengenai perlakuan salah kumpulan yang membuat tafsiran salah ayat al-Quran dan hadis.